



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

KPI 2017 TERUS PERKASAKAN KLIEN JKM

BANGI, 19 November – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus komited dan prihatin terhadap pembangunan kumpulan sasaran Jabatan dengan terus menasaskan lima (5) penunjuk prestasi (KPI) yang perlu dicapai demi kesejahteraan mereka.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, tahun hadapan merupakan tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK 11) dan bagi mengekalkan momentum tersebut dan kerelevanan JKM sebagai sebuah Jabatan yang terus di hati rakyat dan menjangki inklusiviti, KPI yang disasarkan haruslah dicapai.

“Antara 5 KPI tersebut ialah JKM bertanggungjawab mengenalpasti 200 produk Prowell iaitu produk dihasilkan oleh klien yang berpotensi untuk dibangunkan dan dibuat penilaian bagi tujuan pemasaran, pelaksanaan konsep *diinstitutionalisation* (DI) dengan mengenalpasti 450 kanak-kanak yang berada di institusi untuk menjalani program pemeliharaan berasaskan keluarga ganti, meneruskan program sedia ada seperti memberi kemahiran teknikal kepada seramai 250 kanak-kanak di institusi dan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia melalui program TVET.

Seterusnya ialah menasaskan seramai 200 orang OKU mendapat pekerjaan dan mengekalkan mereka terus di dalam industri melalui *Job Coach* dan KPI terakhir ialah saya menasaskan satu-satunya program yang belum pernah dilaksanakan di negara kita iaitu JKM perlu mengenalpasti seramai 30 warga emas yang aktif, sihat dan produktif untuk dijadikan sebagai jurulatih kesihatan dan penjagaan warga emas yang menjangkakan seramai 30,000 warga emas akan mendapat manfaat daripada program ini,” katanya ketika merasmikan Hari Terbuka Kebajikan Tahun 2016 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) hari ini.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YBrs. Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWK dan YBhg Dato' Hj Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Hari Terbuka Kebajikan yang julung-julung kalinya disambut dengan penyatuan sambutan Hari Warga Emas, Hari Kanak-Kanak dan Hari OKU bersempena dengan meraikan ulang tahun yang ke-70 JKM ini digabungkan bersama kumpulan sukarelawan bagi mengiktiraf sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh mereka dalam memastikan kesejahteraan kumpulan sasar Jabatan terus terbela.

Majlis yang dirasmikan oleh Menteri di Dewan Perdana, PLPP Bangi ini juga turut menyaksikan penyampaian Anugerah Sukarelawan JKM Peringkat Kebangsaan, Anugerah Warga Emas Tertua (Aktif), Anugerah Khas OKU dan Anugerah Gemilang bagi Kanak-Kanak.

“Saya dapati bahawa program ini menepati kehendak Teras Strategik Transformasi Perkhidmatan Awam iaitu merakatkan penyampaian perkhidmatan awam dan juga mengintegrasikan semua kumpulan sasar di bawah kementerian selari dengan tema sambutannya iaitu “Kesepaduan Antara Generasi, Memperkukuh Inklusiviti,” tambah lagi.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18,
No. 55,
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya.
No.Telefon : 019-233 3110 (Haneem) / 012-376 8760 (Laila)
Tarikh dikeluarkan : 19 November 2016